KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	09/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			





KAKITANGAN Perhilitan memantau lokasi buaya di Tasik Taman Dengkil Jaya seperti tular di media sosial.

Buaya dirakam di tempat lain

Dengkil: Video dan foto memaparkan buaya dewasa di Tasik Taman Dengkil Jaya dekat sini, dipercayai dirakam di Paya Indah Wetlands, Dengkil sebelum ditularkan di media sosial.

Pengarah Perhilitan Selangor, Dennis Ten Choon Yung berkata, pihaknya memantau reptilia itu di tasik berkenaan sejak Isnin lalu hingga kelmarin, namun tidak mengesan sebarang lokasi padanan penemuan buaya dewasa.

Katanya,anggota Perhilitan membuat pemantauan di sekitar tasik berkenaan, namun tidak menjumpai bukti lokasi itu.

Katanya, sebaliknya kakitangan Perhilitan di Paya Indah Wetlands, Dengkil mengesan padanan lokasi buaya seperti yang tular.

"Paya Indah Wetlands adalah kolam buaya di bawah Perhilitan dan melalui bukti itu pengesanan di Tasik Dengkil Jaya ditamatkan hari ini (kelmarin)," katanya.

Tinjauan ke Tasik Taman Dengkil Jaya semalam mendapati beberapa kakitangan Perhilitan membuat pengesanan lokasi di sekitar tasik bagi mencari bukti.

Beberapa penduduk tempatan turut berada di tepi tasik untuk melihat kelibat buaya seperti yang tular di media sosial.

Pada jam 12.30 tengah hari tiga kenderaan pacuan empat roda bersama kakitangan meninggalkan tasik dan menuju ke Paya Indah Wetlands Dengkil.

Kelmarin sepasukan bomba Cyberjaya dikejarkan ke tasik berkenaan bagi membuat pemantauan keselamatan selepas menerima panggilan orang awam jam 8.30 malam.

Bomba tidak melakukan kerja penangkapan sebaliknya memasang tali pita keselamatan dan tanda amaran di sekitar tasik.

Penduduk Taman Dengkil Jaya, Khairani Sulaiman, 60, berkata, dia lega selepas Perhilitan mengesahkan berita buaya sebenarnya bukan di tasik berkenaan.

Katanya, beliau yang mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar di tasik berkenaan bimbang selepas mendapat tahu mengenai berita itu.

"Saya tinggal di sini lebih 12 tahun dan tidak pernah dengar kewujudan buaya di tasik dan ia sesuatu yang merisaukan penduduk," katanya.